

**KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN TAHUN 2025
SIRI 2 : 27 OKTOBER 2025**

TOPIK: e-INVOIS : PERSEDIAAN STRATEGIK KE ARAH PEMATUHAN MANDATORI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apa contoh perbezaan pengarah Contract for Service & Contract of Service?	Where the Director has entered into contract for service, the Director is required to issue e-Invoice to the company for any income received. However, where the Director has entered into contract of service, the fees are considered as part of employment income. Currently, this is being exempted from issuance of e-Invoice as per the e-Invoice Guideline. Kindly note that the exemptions are subject to periodic review and updates.
2.	Kalau syarikat guna platform e-commerce luar negara seperti Amazon, perlu ke company buat self-billed invoice?	Bagi transaksi luar negara, pembayar cukai perlu mengeluarkan e-invois bil-kendiri selaras dengan seksyen 8.3.
3.	Untuk perniagaan sole prop, gaji yang dibayar kepada pemilik setiap bulan adakah perlu dikeluarkan e-invois?	Pemilik perniagaan tidak perlu mengeluarkan e-Invois bagi pembayaran gaji yang telah dibuat. Rujuk para 1.6.7 dalam garis panduan
4.	Pihak konsesi tidak mempunyai data pelanggan lebuhraya untuk mengeluarkan e-invoice untuk setiap transaksi pada setiap hari. Adakah syarikat konsesi boleh terus mengeluarkan consolidated e-invoice?	Sekiranya pembeli tidak memohon pengeluaran e-invois, maka syarikat konsesi tol boleh mengeluarkan e-invois yang disatukan sebelum 07hb bulan berikutnya.
5.	Perluakah rumah ibadat keagamaan yang menerima derma lebih dari RM10k keluaran e-invois?	Bagi rumah ibadat atau institusi keagamaan yang ditubuhkan secara eksklusif untuk tujuan ibadat atau pemajuan agama, pembayar cukai tersebut dikecualikan daripada keperluan mengeluarkan e-Invois, termasuk bagi transaksi yang melebihi RM10,000. Walaupun bagaimanapun, sekiranya institusi tersebut berhasrat untuk berbuat demikian

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		secara sukarela, ia dibenarkan mengeluarkan e-Invois secara sukarela.
6.	Pembeli dari Sarawak tidak mempunyai ssm hanya ada pendaftaran Hldn. Bagaimana cara untuk membuka e invoice untuk pembeli tersebut. Company kami mula e invoice pada july 2025	Pembekal boleh mengeluarkan e-invois menggunakan nombor pendaftaran lhdn (nombor pengenalan cukai) tersebut seperti biasa.
7.	Jika 2 syarikat mempunyai pengarah & pemegang saham yang sama, dan pendapatan Co A lebih RM500K manakala Co B kurang RM500K. adakah Co B dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois?	Syarikat B tidak dikecualikan e-Invois jika: (a) mempunyai pemegang saham bukan individu dengan hasil $\geq$ RM500k; atau (b) anak syarikat kepada syarikat induk dengan hasil $\geq$ RM500k; atau (c) mempunyai syarikat berkaitan/usaha sama dengan hasil $\geq$ RM500k. 'Syarikat berkaitan' seperti ditakrif dalam Seksyen 2, Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
8.	Can you give me an example of "related company"?	A 'related company' has the meaning assigned to it in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986. If two companies are non-related company, each company is required to determine its own e-invoice implementation timeline according to annual turnover or revenue thresholds as stated in the statement of comprehensive income in the Financial Year 2022 Audited Financial Statements.
9.	Syarikat saya dlm perniagaan <i>luxury goods</i> dimana syarikat saya tidak boleh melapor consolidated e-invois. Tapi pembeli tidak mahu memberi butiran peribadi. Boleh tak saya guna general tin utk issue e-invois?	Seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan e-Invois, bagi mana-mana transaksi yang melebihi RM10,000, penjual dikehendaki mendapatkan maklumat pembeli sebelum mengeluarkan e-Invois. Dengan kata lain, amaun transaksi yang dianggap material mungkin berbeza mengikut pertimbangan perniagaan, namun pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan betul. Penjual juga perlu mendapatkan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		nombor pengenalan (IC number) sekurang-kurangnya bagi tujuan pengesahan. Walau bagaimanapun, LHDNM telah memberi kelonggaran di mana nombor IC boleh dipadankan dengan General TIN bagi tujuan pengeluaran e-Invois, atau semakan boleh dibuat melalui Portal MyTax yang telah disediakan oleh HASiL.
10.	Jika terdapat isu di mana semakan di MyTax portal menggunakan BRN lama dan BRN baru menghasilkan 2 TIN yang berbeza, apa yang patut dilakukan bagi tujuan e-invois oleh pembekal?	Pembeli perlu mengemaskini maklumat percukaian terlebih dahulu. Jika pembekal ingin mengeluarkan e-invois, pembeli perlu memberikan Tax Identification Number (TIN) yang betul kepada pembekal bagi tujuan tersebut.
11.	Untuk transaksi RM10, 000 perlu issue e invois, kalau kos barang RM10, 500 dan diskaun 1,000, total inv RM 9,500. Perlukah e invois dikeluarkan?	Penentuan ambang RM10,000 termasuk sebarang caj tambahan seperti SST dan sebarang tolakan seperti diskaun. Maka, sekiranya jumlah transaksi selepas diskaun dan termasuk SST melebihi RM10,000, e-Invois perlu dikeluarkan secara individu.
12.	We're a Singapore-based supplier issuing invoices to a Malaysian company via email. With e-Invoicing, do overseas suppliers need to change their invoicing method?	The e-Invoice implementation only applicable to the Malaysian taxpayer. For foreign supplier, the issuance of invoice to Malaysian buyer is as usual and subsequently the Malaysian buyer will issue the self-billed e-Invoice to record the said transaction in order to comply with Malaysian e-Invoice requirement.
13.	For NGO who received money other than donation, did the threshold 500k apply to determine they required to issue e invoice?	All income including money other than donation (e.g sales) will be determined implementation timeline of e-invoice.
14.	Kenapa utk carian tin number tidak boleh guna nama company selain guna IC Dan number pendaftaran syarikat	Bagi mengelakkan aktiviti phishing dan seumpamanya, pembeli harus membekalkan maklumat yang tepat bagi pengeluaran e-invois.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	If my Supplier is under the Micro SME with less than 500k per year, normal receipt from supplier is sufficient for tax deduction?	Taxpayers can continue to claim tax deductions or personal tax relief using existing documentation (e.g., normal receipt / bill / invoice issued by supplier) until such time the legislation has been amended. For your information, the compliance obligation is from issuance perspective. If a supplier is not actually exempted from issuance of e-Invoice but they do not issue e-Invoice (claiming that they are exempted), HASiL will conduct audit diligently to identify the non-compliant taxpayer. Note that failure to issue e-Invoice is an offence and may attract negative implication.
16.	Utk e-commerce platform dari luar negara. Company boleh buat consolidate self bill e-invoice?	Pembayar cukai tidak boleh mengeluarkan e-invois bil sendiri disatukan bagi transaksi e-commerce tersebut. Sila rujuk seksyen 3.6.5 garis panduan spesifik e-invois.
17.	Jika e-invoice ada kesilapan/error yang tidak melibatkan amount, contohnya alamat customer/e-invoice classification & etc., perlukah company issue e-cn & re-issue e-invoice yang baru?	Sekiranya terdapat kesilapan pada e-Invois, Penjual boleh membatalkan e-Invois dalam tempoh 72 jam dari masa pengesahan melalui Portal MyInvois. Sekiranya e-Invois tidak ditolak atau dibatalkan dalam tempoh 72 jam, tindakan pembatalan e-Invois tidak dibenarkan. Sebarang pelarasan perlulah dibuat dengan mengeluarkan e-Invois baharu (contohnya, nota kredit, nota debit, nota bayaran balik e-Invois).
18.	If foreign contract workers with no working permit performs work, will the issuance of self-billed e-invoice be valid?	Where the worker has entered into contract for service, the worker is required to issue e-Invoice to the company for any income received. However, where the worker has entered into contract of service, the fees are considered as part of employment income. Currently, this is being exempted from issuance of e-Invoice as per the e-Invoice Guideline. Kindly note that the exemptions

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		are subject to periodic review and updates. It is important for taxpayers to know that what type of contract are they having with these workers. Whether the workers have a permit or not, that's a separate issue and this is under the purview of immigration (not under HASiL)
19.	Adakah error e-invoice yang “tidak melibatkan amount” perlu dibuat penyelarasan? Contohnya error dlm memilih ‘e-invoice classification’ atau description barang. Mohon jelaskan. Terima kasih.	Sekiranya terdapat kesilapan pada e-Invois, Penjual boleh membatalkan e-Invois dalam tempoh 72 jam dari masa pengesahan melalui Portal MyInvois. Sekiranya e-Invois tidak ditolak atau dibatalkan dalam tempoh 72 jam, tindakan pembatalan e-Invois tidak dibenarkan. Sebarang pelarasan perlulah dibuat dengan mengeluarkan e-Invois baharu (contohnya, nota kredit, nota debit, nota bayaran balik e-Invois).
20.	Ada pengguna lebuhraya yang memohon automated e-invoice. Namun syarikat hanya issue e-invoice upon request sahaja. Adakah menjadi kesalahan jika syarikat tak penuhi permintaan pengguna tersebut?	Menjadi kesalahan apabila pembekal tidak mengeluarkan e-invois (e.g automated e-invoice) seperti diminta oleh pembeli kerana tanggungjawab pengeluaran e-invois adalah pada pembekal.
21.	Co A with turnover less than RM500K is exempted from e-Invoice implementation, if there is single transaction with value of more than RM10,000 is still exempted from issuing e-Invoice, correct?	Syarikat ini dikecualikan, bermaksud tiada keperluan untuk mengeluarkan e-Invois, termasuk bagi transaksi yang melebihi RM10,000. Walau bagaimanapun, jika syarikat berhasrat untuk berbuat demikian secara sukarela, ia dibenarkan mengeluarkan e-Invois secara sukarela. Begitu juga bagi pembayar cukai di bawah Fasa 3 dan Fasa 4 — bermula 1 Januari 2026, sekiranya pelaksanaan e-Invois dimulakan dalam tempoh kelonggaran enam bulan, pembayar cukai boleh terus mengeluarkan e-Invois disatukan sehingga 30 Jun 2026. Mulai

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		1 Julai 2026, e-Invois perlu dikeluarkan bagi setiap transaksi yang melebihi RM10,000.
22.	Sponsorship recieved for annual dinner need to issue e-invoice?	Yes, the contribution required to issue e-invoice.